

**Pemuda UPKO Diminta Elak Unsur Fitnah Dalam Pemilihan  
Bernama  
2 Sept, 2013**

BELURAN, 2 Sept (Bernama) -- Anggota Pemuda Parti Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) diminta mengelakkan unsur fitnah atau memburukkan antara satu sama lain dalam pemilihan parti.

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuamut Masiung Banaj berkata anggota perlu berpolitik mengikut landasan yang betul bagi memastikan sayap Pemuda dapat memperkukuhkan parti setiap masa.

"Pendekatan kebebasan kepada setiap ahli parti bertanding merupakan satu pendekatan terbaik bagi memantapkan golongan muda dalam berpolitik...itu menunjukkan ketelusan dan keterbukaan," katanya semasa merasmikan Mesyuarat Agung Tri-Tahunan Pergerakan Pemuda Upko Bahagian Kinabatangan Ke-14 di Telupid pada Isnin.

Masiung yang juga Ketua Pemuda Upko Bahagian Kinabatangan berkata anggota perlu menjadikan media sosial sebagai medium memperkukuhkan parti dan bukan sebaliknya.

Pada pemilihan itu, Ismail Ayub memenangi jawatan Ketua Pemuda UPKO Bahagian Kinabatangan mengalahkan pemangku jawatan itu Felix Joseph manakala Armon Bining mengekalkan jawatan timbalan ketua Pemuda bahagian tanpa bertanding.

Ismail memperoleh 66 undi manakala Felix mendapat 59 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=974409>